

PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN (EPO)

# Boleh minta luar waktu pejabat, hujung minggu

➔ RUU Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 bolehkan JKM percepat permohonan

Laporan Mohd Anwar Patho Rahman, Mohd Azrone Sarabatin dan Hazwan Faisal Mohamad  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**M**angsa keganasan rumah tangga boleh mendapatkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) pada hujung minggu atau di luar waktu pejabat yang akan dikeluarkan

oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ini antara lima pembaharuan dalam Rang Undang-Undang (RUU) Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017, yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, semalam.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata ketika ini mangsa hanya boleh mendapatkan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO) dari mahkamah.

## Banyak aduan pada hujung minggu

Katanya, kementeriannya menerima aduan banyak keganasan rumah tangga hujung minggu yang menyebabkan mangsa tidak boleh mendapatkan IPO atau PO pada kadar segera dan terpaksa menunggu mahkamah beroperasi.

“Menerusi pindaan rang undang-undang ini, mangsa akan bo-



[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]

Rohani ketika sidang media di Dewan Rakyat, semalam.

leh mendapatkan EPO dari JKM sama ada datang terus ke pejabat jabatan atau boleh menghubungi Nur yang beroperasi 24 jam.

“Selepas aduan diterima, JKM akan memproses aduan itu dalam masa 24 jam sebelum menyerahkan EPO kepada mangsa yang akan disampaikan oleh polis.

“EPO itu akan berkuat kuasa untuk tempoh seminggu dan jika tidak dipatuhi oleh pelaku, mereka boleh dihukum denda RM4,000, penjara setahun atau kedua-duanya,” katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

## Perluas tafsiran keganasan

Rohani berkata, selain EPO, RUU itu juga akan memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga iaitu mangsa kini boleh mendapatkan IPO dan PO apabila pelaku menggelapkan harta mangsa sehingga mereka mengalami kesedihan akibat kerugian kewangan.

Selain itu, katanya, apabila pe-

laku mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa takut mengenai keselamatannya atau hartanya atau pihak ketiga atau mengalami kesedihan.

“Pelaku berhubung dengan mangsa atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau sebaliknya,” katanya.

## Hak penghunian eksklusif kediaman bersama

Rohani berkata, buat kali pertama juga, RUU itu akan memperkenankan pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa bagi memberi perlindungan terhadap keselamatan diri mangsa ketika dalam IPO dan PO.

“Menerusi hak ini, pelaku dikehendaki meninggalkan kediaman yang didiami bersama mangsa selama seminggu untuk memastikan keselamatan mangsa,” katanya.